




Maghi Singgoh KUALA KRAI

PUSAT PERCUTIAN KELUARGA



SIDANG REDAKSI

o o o o
o o o o



PENASIHAT

YABrs. Tuan Haji Nik Mohd Hasanuddin
bin Nik Hussain,
Yang DiPertua,
Majlis Daerah Kuala Krai



TIMBALAN PENASIHAT I

YBrs. Encik Mohamad bin Jaafar,
Setiausaha,
Majlis Daerah Kuala Krai



TIMBALAN PENASIHAT II

YBrs. Ustaz Ahmad Subhi bin Zainal Abidin,
Pengerusi Jawatankuasa Penerangan,
Perpaduan & Pelancongan
Majlis Daerah Kuala Krai



KETUA EDITOR

Encik Muhammad Afiq Ahwazie bin Zaidi,
Penolong Pegawai Tadbir,
Jabatan Pengurusan Korporat,
Majlis Daerah Kuala Krai



KONSEP / JURU FOTO

Encik Mohd Ashor bin Yusuf,
Pembantu Tadbir,
Jabatan Pengurusan Korporat,
Majlis Daerah Kuala Krai.



TERBITAN:

Jabatan Pengurusan Korporat,
Majlis Daerah Kuala Krai,
KM 1, Lebuhraya Kuala Krai-Gua Musang,
18000 Kuala Krai Kelantan.

No. Telefon : 09-960 2000
No. Fax : 09-960 2001

MAJLIS DAERAH KUALA KRAI
DARU

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, marilah kita panjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama menyaksikan penerbitan buku pelancongan “Keindahan Kuala Krai” yang julung-julung kalinya diterbitkan. Buku ini merupakan salah satu inisiatif Majlis Daerah Kuala Krai untuk mengetengahkan keunikan, sejarah, dan keindahan destinasi pelancongan di daerah kita yang tercinta ini.

Daerah Kuala Krai yang kaya dengan keindahan alam semula jadi, budaya, dan sejarahnya memiliki potensi pelancongan yang cukup besar. Justeru, penerbitan buku ini diharapkan dapat menjadi panduan dan sumber inspirasi kepada pelancong, penyelidik, dan masyarakat tempatan untuk mengenali dengan lebih dekat kekayaan yang ada di daerah ini.

Saya percaya bahawa sektor pelancongan mampu menjadi pemangkin ekonomi tempatan, selain menyumbang kepada pemeliharaan budaya dan alam sekitar. Dalam usaha ini, kami amat menghargai sokongan daripada semua pihak termasuk agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, sektor swasta, dan masyarakat setempat.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan penerbitan buku ini. Semoga usaha murni ini dapat meningkatkan lagi imej Kuala Krai sebagai destinasi pelancongan pilihan di Kelantan dan di Malaysia amnya.

Sekian, terima kasih.

HAJI NIK MOHD HASANUDDIN BIN NIK HUSSAIN
YANG DIPERTUA,
Majlis Daerah Kuala Krai.

o o o o
o o o o
**PERUTUSAN
YANG DIPERTUA**



o o o o
o o o o

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Syukur Alhamdulillah, dengan izin Allah S.W.T, kita bersama meraikan penerbitan buku pelancongan “Maghi Singgoh Kuala Krai”. Buku ini mencerminkan usaha gigih semua pihak dalam mempromosikan keindahan, potensi pelancongan, budaya, tradisi, dan warisan sejarah berharga daerah ini.



SEPATAH KATA SETIAUSAHA

Buku ini juga memaparkan informasi destinasi pelancongan utama, termasuk kawasan ekopelancongan, tapak warisan sejarah, dan daya tarikan tempatan, serta kisah inspirasi masyarakat setempat yang menyumbang kepada industri pelancongan. Ia dijangka menjadi rujukan utama pelancong, sekaligus merancakkan ekonomi tempatan melalui peningkatan pengunjung.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku ini. Kepada Majlis Daerah Kuala Krai, penaja, dan rakan-rakan strategik, kerjasama anda semua amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

MOHAMAD BIN JAAFAR
SETIAUSAHA
Majlis Daerah Kuala Krai.



Assalamualaikum.



Alhamdulillah, saya amat berbesar hati atas penerbitan buku pelancongan “Maggi Singgoh Kuala Krai” yang menjadi satu lagi mercu tanda usaha mempromosikan keindahan dan keunikan daerah kita. Buku ini bukan sekadar panduan, tetapi juga lambang komitmen kita dalam memperkenalkan pesona Kuala Krai kepada dunia luar.

**KATA ALUAN
KETUA WHIP**



Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini. Bersama kita martabatkan Kuala Krai sebagai destinasi pelancongan yang hebat! Sekian, terima kasih.

USTAZ ABD HASHIM BIN JUSOH
KETUA WHIP,
Majlis Daerah Kuala Krai

Assalamualaikum WRT.

Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT, buku pelancongan “Maghi Singgoh Kuala Krai” berjaya diterbitkan sebagai inisiatif Majlis Daerah Kuala Krai untuk memperkenalkan keunikan, sejarah, dan keindahan destinasi pelancongan di daerah ini.

**KATA ALUAN
PENGURUS
JAWATANKUASA
PENERANGAN,
PERPADUAN &
PELANCONGAN**



Teruskan kerjasama dalam mempromosikan keindahan daerah kita. Terima kasih.

Sekian, terima kasih.

USTAZ AHMAD SUBHI BIN ZAINAL ABIDIN
PENGURUS JAWATANKUASA PENERANGAN,
PERPADUAN DAN PELANCONGAN
Majlis Daerah Kuala Krai

*Panduan Tempat-tempat
Menarik Di Kawasan
Majlis Daerah Kuala Krai 2025*



برسيه اينده چريا










Disediakan oleh:
 Urusetia Jawatankuasa
 Penerangan, Perpaduan & Pelancongan
MAJLIS DAERAH KUALA KRAI

KUALA KRAI


TEMPAT-TEMPAT MENARIK



- B
- B
- B
- B



• B B
• B
• B
• B B
• B B
• B
• B



• B B B
 B B B
• B B
• B B
• B B
• B
• B
• B B
• B B
• B B
• B B
• B B
• B B
• B B

• B

• B B

• B





Sejarah Kuala Krai

Sebelum tahun 1977, Kuala Krai dikenali sebagai Ulu Kelantan, yang merangkumi kawasan Gua Musang, Kuala Krai, dan daerah Kuala Balah di selatan Jeli. Pada masa itu, Bandar Kuala Krai berfungsi sebagai ibu pejabat jajahan Ulu Kelantan. Kawasan ini ditadbir oleh Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan, dengan Majlis Daerah Kuala Krai menyelia bahagian utara jajahan (dahulunya dikenali sebagai Majlis Daerah Kuala Krai Utara) dan Majlis Daerah Dabong mengurus bahagian selatan jajahan (dahulunya dikenali sebagai Majlis Daerah Kuala Krai Selatan).

Seiring dengan pembinaan lebuh raya pada Ogos 1983, Kuala Krai mengalami pertambahan penduduk yang pesat, berikutan peranannya sebagai laluan utama antara Kota Bharu dan Kuala Lumpur. Bandar Kuala Krai juga terletak di persimpangan dua sungai utama, Sungai Galas dan Sungai Lebir, yang bertemu di Sungai Kelantan. Selain itu, terdapat stesen pengangkutan yang menghubungkan penumpang dari Tumpat ke Gua Musang.



Sejarah Majlis Daerah Kuala Krai

Majlis Daerah Kuala Krai telah ditubuhkan pada 1 Januari 1979 berikutan penyusunan semula Penguasa-Penguasa Tempatan di seluruh Negara dibawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Penubuhan MDKK adalah menepati dasar kerajaan yang bekehendakkan supaya setiap penguasa tempatan di negara ini disusun semula menjadi lebih berfungsi serta berkesan dari segi pentadbiran dan pelaksanaan projek kepada penduduk sekitarnya.

Pentadbiran MDKK adalah meliputi kawasan Daerah Batu Mengkebang seluas 726.9km persegi yang berkeluasan 32.1% dari jumlah keseluruhan Jajahan Kuala Krai

Kawasan pentadbiran ini mempunyai 20 buah mukim, 122 buah kampung dan melibatkan seramai hampir 103,294 orang berdasarkan bancian 2004.



Tips dan Panduan untuk Melancong ke Kelantan

PILIH MASA YANG SESUAI UNTUK MELANCONG.

Kelantan mempunyai iklim tropika yang panas dan lembap sepanjang tahun, tetapi ada juga musim hujan yang berlaku antara November hingga Januari. Jika anda ingin melihat pesta budaya seperti Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha, sila buat tempahan awal kerana tempat penginapan mungkin cepat penuh.

ATUR PENGANGKUTAN YANG SESUAI.

Anda boleh sampai ke Kelantan dengan pelbagai cara, sama ada dengan kapal terbang, kereta api, bas, atau kereta. Di Kelantan, anda boleh menyewa kereta, motosikal, basikal, atau menaiki teksi, Grab, atau bas mini untuk bergerak di sekitar.

PILIH TEMPAT PENGINAPAN YANG SELESA.

Kelantan menawarkan pelbagai jenis tempat penginapan, dari hotel, resort, chalet, homestay, hingga kampung. Jika anda ingin menikmati suasana kampung, anda boleh memilih kampung atau homestay di Kuala Krai, Pasir Mas, atau Tanah Merah, yang menawarkan pengalaman budaya dan alam semula jadi.

RANCANG AKTIVITI YANG MENARIK.

Kelantan mempunyai banyak aktiviti yang boleh anda lakukan, bergantung pada minat dan kegemaran anda. Jika anda suka budaya, anda boleh melawat muzium, galeri, istana, masjid, atau pasar yang menunjukkan warisan dan seni Kelantan. Jika anda suka alam semula jadi, anda boleh melawat taman, air terjun, sungai, atau hutan yang menawarkan keindahan dan ketenangan alam.

IKUTI ADAT DAN SOPAN SANTUN.

Kelantan adalah negeri yang majoritinya beragama Islam, jadi anda perlu menghormati adat dan sopan santun yang berlaku di sini. Anda perlu berpakaian sopan, elakkan memakai pakaian yang terlalu ketat, pendek, atau jarang.



CADANGAN 1 HARI PERJALANAN

8.45pg - Tiba di Stesen Kereta Api Kuala Krai

9.00pg - Sarapan

9.30pg - Ke Mini Zoo Kuala Krai

11.00pg - Bertolak ke Kg Mambong

12.00tgh - Demonstrasi Pembuatan Pasu Mambong

1.00tgh - Makan Tengah Hari (Masakan Kampung)

2.00ptg - Bertolak ke Jeti Kuala Krai

3.00ptg - Ke Muzium Kuala Krai

3.30ptg - Ke Lata Berangin

5.30ptg - Ke Taman Tangga Bradley

PETA PERCUTIAN BANDAR KUALA KRAI

JELAJAH BANDAR KUALA KRAI



01

MINI ZOO KUALA KRAI

Berkonsepkan 'symbiotic pith' iaitu Manusia dan Alam menempatkan lebih 50 spesis haiwan. Terdapat 8 zon mengikut jenis haiwan termasuk zon "Petting Zoo", dan jambatan gantung. Harga tiket bermula dari RM 5.00 dan RM 10.00 sahaja



03

PUSAT PEMBUATAN SERAMIK MAMBONG

02

Pusat Pembuatan Tembikar Mambong, Kuala Krai adalah lokasi terkenal yang memelihara seni tradisional pembuatan tembikar warisan Kelantan. Pengunjung berpeluang melihat proses pembuatan tembikar secara langsung, dari membentuk tanah liat hingga produk siap yang berkualiti tinggi.

MUZIUM KUALA KRAI

Muzium Kuala Krai adalah destinasi bersejarah yang mempamerkan pelbagai artifak dan warisan budaya, memberi peluang kepada pengunjung untuk mendalami sejarah dan tradisi unik Kuala Krai.

Muzium ini mudah diakses dan menjadi tarikan pendidikan yang menarik untuk semua lapisan masyarakat.



LATA BERANGIN

Lata Berangin, Kuala Krai adalah destinasi air terjun yang menawan, menawarkan keindahan semula jadi dengan aliran air yang jernih dan suasana hutan yang damai.

Lokasi ini sesuai untuk aktiviti riadah seperti berkelah, mandi-manda, dan menikmati keindahan alam semula jadi yang menyegarkan.



05

TAMAN TANGGA BRADLEY

Taman Tangga Bradley menawarkan pemandangan senja yang memukau menjadikannya destinasi terbaik untuk menyaksikan matahari terbenam yang berlatar belakangkan warisan bersejarah dan suasana yang tenang.





The main image shows the entrance to Taman Tangga Bradley. A large, reddish-brown archway stands prominently. Above the arch, the text 'TANGGA KRAI (TANGGA BRADLEY-1927)' is inscribed. In the background, a tall, rectangular stone monument is visible, surrounded by greenery and a clear blue sky. The foreground features a landscaped area with a wooden boat-shaped planter box containing various plants and a blue decorative element.

TANGGA KRAI
(TANGGA BRADLEY-1927)

Taman Rekreasi Awam

TAMAN TANGGA BRADLEY KUALA KRAI

Taman ini telah dirasmikan pada 15 Mac 2023 oleh Yang Berhormat Exco Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Hj. Izani Bin Husin. Kawasan ini menempatkan **Tapak Warisan Sejarah Tangga Bradley**, yang mula dibina pada tahun 1927. Kini, lokasi ini telah dinaik taraf dan dijadikan sebagai **salah satu destinasi pelancongan warisan utama** di Kuala Krai.



MINI ZOO KUALA KRAI

MINI ZOO
KUALA KRAI

OPEN

Sabtu-Khamis: 9.30 am – 6.00 pm
Jumaat: 9.30 am – 12.30 pm /
2.30 pm – 6.00 pm

- Dewasa: RM10
- Kanak-kanak (Sehingga berumur 12 tahun): RM5
- Warga emas: RM5
- OKU dan kanak-kanak bawah umur 3 tahun adalah percuma

TICKET



Mini Zoo Kuala Krai

Mini Zoo Kuala Krai, yang terletak di Kuala Krai, merupakan tarikan yang menarik untuk keluarga dan pengunjung yang ingin melihat pelbagai jenis haiwan.

Antara haiwan yang dipelihara:

- Burung-burung (Kakak Tua, Enggang, Merak, Burung Hantu, Burung Unta dan lain-lain)
- Reptilia (Ular, Biawak, Kura-Kura, Memerang dan lain-lain)
- Mamalia (Kijang, Seladang, Kuda Padi, Lembu Kerdil, Kambing Kerdil dan lain-lain)
- Eksotik (Landak, Meercat, Kucing Hutan, Beruang Matahari dan lain-lain)

Keistimewaan:

Suasana Mesra Keluarga – Reka bentuk zoo yang mesra keluarga menjadikannya destinasi yang sesuai untuk lawatan bersama anak-anak.

Pembelajaran tentang Hidupan Liar Tempatan – Pengunjung berpeluang belajar tentang pelbagai spesies haiwan yang terdapat di Malaysia.

Pendedahan Berfokuskan Kanak-Kanak – Terdapat program pendidikan dan demonstrasi mengenai haiwan-haiwan yang dipamerkan, membantu kanak-kanak memahami lebih lanjut tentang spesies haiwan tersebut dan habitatnya.



Harga Tiket

MINI ZOO KUALA KRAI

HARI	WAKTU BUKA
SABTU - KHAMIS	9:30 AM - 6:00 PM
JUMAAT	9:30 AM - 12:30 PM 2:30 PM - 6:00 PM
Kemasukan Terakhir Pada 5:30 PM	

OKU
MASUK
PERCUMA

*Sila Kemukakan Kad OKU yang Sah

Dewasa	(13 Tahun - 59 Tahun)	RM 10.00
Kanak-kanak	(3 Tahun - 12 Tahun)	RM 5.00
Warga Emas	(60 Tahun dan keatas)	RM 5.00

Berkumpulan 20 orang dan keatas

Dewasa	(13 Tahun - 59 Tahun)	RM 7.00
Kanak-kanak	(3 Tahun - 12 Tahun)	RM 3.50





Tarikan Utama



Pelbagai Spesies Haiwan

- Menyaksikan pelbagai jenis haiwan seperti burung eksotik, reptilia, dan mamalia dalam habitat yang menyerupai alam semula jadi.



Taman Reptilia

- Tarikan khas menampilkan spesies ular dan kura-kura yang unik, memberi pengalaman menarik untuk pencinta reptilia.



Akuarium Ikan

- Pengunjung boleh menikmati pameran kolam ikan yang cantik sambil memberi makan kepada ikan-ikan yang jinak.



Kawasan Interaktif

- Zon mesra kanak-kanak yang membolehkan mereka berinteraksi dengan haiwan jinak seperti arnab dan kambing.



Landskap Semula Jadi

- Pemandangan yang hijau dan damai menjadikan Mini Zoo Kuala Krai tempat yang sesuai untuk beriadah bersama keluarga sambil belajar tentang dunia haiwan.

Tarikan ini menjadikan Mini Zoo Kuala Krai lokasi yang seronok dan mendidik untuk pengunjung dari semua peringkat umur.



Taman Tema Air Kuala Krai

Taman Tema Air Kuala Krai merupakan tarikan riadah terbaru di Kuala Krai, menawarkan pelbagai kemudahan dan aktiviti menarik untuk pengunjung dari semua peringkat umur.

Kemudahan :

Kolam Renang yang sesuai untuk kanak-kanak, remaja, dan dewasa.

Gelongsor Air yang menyeronokkan dan mencabar, sesuai untuk semua peringkat umur.

Kawasan Berkelah dilengkapi dengan tempat duduk dan meja, sesuai untuk keluarga yang ingin berkelah dan berehat.

Kemudahan Mandi dan Tandas

Kedai Cenderamata dan Kafetaria



Aktiviti Yang Disediakan :

1. **Permainan Air:** Terdapat pelbagai permainan air interaktif yang sesuai untuk kanak-kanak.
2. **Kelas Renang:** Taman tema ini mungkin menawarkan kelas renang untuk kanak-kanak dan dewasa.
3. **Acara Khas:** Pada waktu tertentu, taman tema ini mengadakan acara khas seperti pesta air dan pertandingan berenang.



COME VISIT
KRAI WATER PARK

Ahad - Khamis
RM28/pax
10.00 pagi - 6.00 petang

Jumaat, Sabtu & Cuti Umum
RM38/pax
10.00 pagi - 6.00 petang

Lately Bird (Ahad & Rabu sahaja)
3 pm - 6 pm
RM15 untuk setiap orang.

90 cm ke bawah & OKU
PERCUMA

JUMAAT
9.00 pagi - 7.00 petang
12.30 - 2.30 tutup untuk solat jumaat

Tutup setiap hari Selasa
(Kecuali cuti umum)





**PROMOSI
ROMBONGAN
SEKOLAH**

- 4 JAM MASA DIBERIKAN
- PERCUMA 2 TIKET UNTUK PENGIRING
- AHAD- KHAMIS SAHAJA

**MORE
INFORMATION**
012-563 1154



**RM 15
PAX**

KRAI WATERPARK

PUSAT PERCUTIAN KELUARGA LATA BERANGIN



Air Terjun ini dikatakan diberi nama Lata Berangin kerana angin yang terdapat di kawasan kolam utama air terjun tersebut dan ianya sangat sesuai untuk dijadikan sebagai tempat untuk berkelah dan beriadah kerana suasana yang tenang, dan jauh dari bandar.



Dusun Rimbun Agro Farmstay



Dusun Rimbun Agro Farmstay di Kuala Krai merupakan destinasi yang menonjolkan suasana hijau dan tenang, sesuai untuk aktiviti santai dan percutian keluarga. Farmstay ini menawarkan kemudahan seperti kolam renang, taman, dan kawasan BBQ.

FB: Dusun Rimbun Agro Farmstay.
Tel: 0199168255 / 0199124216
Harga : Bermula RM 100+





MUZIUM KUALA KRAI

Muzium Kuala Krai ditubuhkan dengan matlamat mempersembahkan khazanah sejarah Jajahan Kuala Krai untuk tatapan umum. Muzium ini menyimpan pelbagai artifak berharga, termasuk maklumat mengenai tokoh-tokoh ternama asal Kuala Krai, sejarah penubuhan jajahan, serta jenis-jenis batu sempadan yang meliputi mukim, daerah, negeri, dan negara. Selain itu, sejarah legenda Cik Siti Wan Kembang turut dipamerkan sebagai salah satu tarikan utama.

Muzium ini dibuka kepada pengunjung dari Ahad hingga Khamis, bermula jam 8.30 pagi hingga 4.45 petang, dan ditutup pada hari Jumaat. Ia merupakan destinasi yang sesuai untuk mendalami sejarah dan warisan unik Jajahan Kuala Krai.



PASU SERAMBIK MAMBONG KUALA KRAI

Pasu Mambong di Kuala Krai, Kelantan, merujuk kepada produk seramik tradisional yang dihasilkan oleh pengrajin di Kampung Mambong. Seni pembuatan seramik ini diwarisi turun-temurun, menjadikan Pasu Mambong sebagai salah satu ikon warisan budaya Kelantan.

Perintis Pasu Mambong ini telah dimulakan oleh Zainab binti Husain (Mek Nab), yang telah berkecimpung dalam seni tembikar tradisional selama 59 tahun di Kampung Mambong. Mahir dalam teknik picit cubit, lingkaran, dan tampalan dengan corak warisan seperti bulan sabit dan pucuk rebung, beliau menerima Anugerah Sanggar Mestika 2020 dan dilantik sebagai Adiguru Kraf 2024.



Zainab binti Husain
(Mek Nab)

Perusahaan pasu ini juga diusahakan oleh Cikgu Li adalah warisan turun-temurun yang penuh nilai sejarah. Sejak melalui proses penambahbaikan pada tahun 1990, perusahaan ini terus kekal utuh hingga ke hari ini, menjadi lambang tradisi yang terus hidup.



CIKGU LI
NO TEL : 0179574516



Kampung Mambong yang terletak disebatang Sungai Galas di daerah Kuala Krai merupakan sebuah perkampungan kecil yang menjalankan perusahaan seramik. Kampung ini yang juga dikenali sebagai tempat "Seramik Mambong" memakan masa selama 45 minit dari Tangga Krai untuk ke sana dengan menaiki bot serta tambangnya amat berpatutan.



موديق ك ممبروع

Mudik Ke Mambong



TRAVEL MAPS



4 LAWATAN KE BENGKEL PEMBUATAN TEMBIKAR

5 MANDI DI JERAM MAMBONG

6 MAKAN TENGAHARI IKAN SUNGAI DI JETI TERAPUNG SULAIMAN

7 PULANG KE JETI KUALA KRAI

3 MUDIK KE MAMBONG MENAIKI BOT GALAH

2 MELAWAT MUZIUM KUALA KRAI

1 SARAPAN PAGI DI JETI KUALA KRAI

8 MAKAN PETANG DI WARUNG KOPI MAMBONG TANGGA BREADLY

Tambahan lain (bergantung kpd tour guide)
- Lawatan ke Pendedahan Pembuatan Jala Ikan (Pak Do)
- Lawatan ke Pendedahan Pembuatan Rehal Kukur Kelapa Kkore Nyior (Abe Hassan)



Tour guide berdaftar ke Mambong Poksu - Krai River Cruise (0139804496)

Disediakan oleh :-
Urusetia Jawatankuasa Penerangan, Perpaduan & Pelancongan
Majlis Daerah Kuala Krai. No. Tel (P) : 09-960 2000

Taman Tasik Krai



Taman Tasik Krai

Taman ini sebuah destinasi rekreasi yang popular di Kuala Krai, Kelantan. yang menjadi tumpuan penduduk tempatan dan pelancong untuk bersantai dan bersenam sambil menikmati keindahan alam semula jadi.

Taman Tasik Krai terletak di kawasan yang mudah diakses dan berdekatan Mini Zoo Kuala Krai serta Taman Tema Air Kuala Krai yang menjadikannya tempat yang ideal untuk aktiviti santai hujung minggu.





Krai Park and Training Centre (KPTC) atau juga dikenali sebagai Taman Permata Rimba merupakan sebuah Pusat Latihan dan Motivasi yang terletak di daerah Kuala Krai, Kelantan. Jarak dari pusat bandar Kuala Krai dan KPTC adalah dianggarkan 10 KM. KPTC telah beroperasi selama lebih 10 tahun dan mengendalikan lebih 100 program yang melibatkan pelajar sekolah, agensi kerajaan dan agensi swasta.

KRAI PARK AND TRAINING CENTRE (KPTC)





PAKEJ AGROCAMPAK

Krai Park And Training Centre

AKTIVITI yang disediakan :

- ★ Night Walk
- ★ Rentas Halangan
- ★ Ceramah & Modul
- ★ Latihan Dalam Kumpulan
- ★ Ronda Pando Aras
- ★ Asas Persekitaran Cemas
- ★ Asas Pertahanan Diri
- ★ Asas Kawad Kaki
- ★ Jungle Trekking
- ★ Kucing Buta
- ★ Explorace
- ★ Gage Ikan

PAKEJ A (LAYAN PENUH)

3 HARI 2 MALAM
Makan/Minum 4 Kali Sehari
1500 Ceramah (but Tema)
LDK
Kerohanian
Asas Kawad Kaki
Rentas Halangan
Jungle Trekking
Kolam Mandi
Riadah/Senam
Dorm Peserta
2 Bisk Urselle (Peruma)
Jurulatih & Motivator Pengalaman
Penyediaan Kertas Kerja
Dewan Berhawa Dengin

RM 95
* Minimum 60 peserta

PAKEJ B (LAYAN PENUH)

2 HARI 1 MALAM
Makan/Minum 4 Kali Sehari
1500 Ceramah (but Tema)
LDK
Kerohanian
Asas Kawad Kaki
Rentas Halangan
Jungle Trekking
Kolam Mandi
Riadah/Senam
Dorm Peserta
2 Bisk Urselle (Peruma)
Jurulatih & Motivator Pengalaman
Penyediaan Kertas Kerja
Dewan Berhawa Dengin

RM 75
* Minimum 60 peserta

Krai Park and Training Centre
Taman Permata Rimba, Jalan Sungai Mas,
Kg Enggong, 18000 Kuala Krai, Kelantan.

 **017-926 2533**

 Krai Park and Training Centre
 dkraipark@gmail.com
 [kraipark_](https://www.instagram.com/kraipark_)
 <https://kraipark.com>



Teratak Rimba Abam Peah merupakan destinasi santai yang semakin popular, menawarkan gabungan suasana kampung autentik dengan elemen moden.



TERATAK RIMBA ABAM PEAH



FB: Teratak Rimba Abam Peah
Tel: 012-439 7200
Harga : Bermula RM 50++

Keistimewaan

- Konsep Mesra Keluarga: Direka dengan tema santai, teratak ini menampilkan ciri tradisional seperti pondok kayu, laman berumput, dan suasana ala kampung.
- Persekitaran Semula Jadi: Dikelilingi kehijauan dan udara segar, lokasi ini memberikan ketenangan untuk bersantai.
- Kemudahan Rekreasi: Menyediakan ruang untuk BBQ dan makan malam santai bersama keluarga atau rakan.



ISTANA SANGKUT

Istana Sangkut di Lata Rek, Kuala Krai, Kelantan, adalah destinasi pelancongan berkonsepkan tradisional yang menawarkan chalet selesa dengan kadar serendah RM60 semalam. Ia terletak di tengah keindahan alam semula jadi, termasuk air terjun berwarna biru kehijauan.


Pelbagai aktiviti ditawarkan, seperti mandi air terjun, flying fox, jungle trekking, dan aktiviti lasak seperti water confident. Kemudahan seperti bilik dengan katil queen, surau, dan makanan tempatan turut disediakan. Lokasi ini sesuai untuk percutian keluarga dan aktiviti team building.




TANGGA BRADLEY

Tangga Bradley di Kuala Krai merupakan salah satu mercu tanda bersejarah di Kelantan yang kaya dengan nilai sejarah dan nostalgia. Nama "Tangga Bradley" diambil sempena seorang pegawai kolonial British bernama J.R.O. Bradley, yang bertanggungjawab membina tangga ini pada zaman penjajahan British. Tangga ini terletak di tebing Sungai Kelantan, berhampiran kawasan bandar Kuala Krai.

Ia juga menjadi laluan utama penduduk tempatan yang menggunakan bot atau perahu sebagai pengangkutan harian.





Lata Papan terletak di kawasan pedalaman berhampiran Kuala Krai, Kelantan. Ia lebih kurang 12 km dari pusat bandar Kuala Krai. Salah satu destinasi pelancongan alam semula jadi yang popular di Kuala Krai, Kelantan. Ia terkenal dengan air terjun yang indah, air yang jernih, dan suasana hutan tropika yang damai. Kawasan ini menjadi tumpuan pelancong untuk aktiviti seperti berkelah, mandi-manda, dan menikmati keindahan alam.





RESTORAN & CAFE



GOMO FOOD

Sebuah restoren bercirikan korean yang menyajikan menu Korean Food dan Western Food.

Berbagai-bagai menu & hidangan istimewa yang ditawarkan seperti masakan Korea, Barat, dan citarasa tempatan menjanjikan membuka selera penduduk tempatan dengan harga yang munsabah.



KB BREWSTER

KB Brewster Kuala Krai ialah sebuah kafe moden yang membawa konsep hipster dengan tawaran pelbagai menu menarik dan minuman kopi premium. Cawangan ini mendapat perhatian penduduk tempatan dan pengunjung kerana suasananya yang santai dan menyegarkan.





MR ADNAN CAFE

Mr. Adnan Cafe menawarkan hidangan berkonsepkan makanan tempatan, makanan barat, atau gabungan keduanya. Kebanyakan kafe seperti ini memberi fokus kepada suasana santai dan mesra keluarga.

Menu biasanya merangkumi makanan popular seperti nasi goreng, burger, spaghetti, aneka minuman kopi, teh tarik, dan pencuci mulut seperti kek atau waffle.

Terletak di Taman Guchil Jaya biasanya ia menarik pelanggan setempat dengan citarasa yang sesuai dengan budaya dan tradisi tempatan.

SHIMA SELERA KAMPUNG



Restoran Selera Kampung di Kuala Krai mungkin menjadi pilihan ramai kerana konsep makanannya yang mengutamakan masakan tradisional kampung. Restoran ini berkemungkinan menawarkan menu masakan melayu berasaskan resepi kampung.





LEPAK CAFE

Sebuah Restoran yang menyajikan masakan tempatan dan Western Food. Menu istimewa seperti Chicken Chop, Lamb Chop, Masakan Panas dan Nasi Ayam Penyet.



DAGOO CAFE

Dagoo Café ialah sebuah kafe yang popular di Kuala Krai dan dikenali sebagai tempat santai untuk melepak bersama keluarga dan rakan. Dengan menu yang menarik seperti pasta, burger, dan chicken chop. Pilihan minuman seperti kopi, teh, milkshake, dan cocktail.





NASI AYAM DATARAN PELADANG



Dataran Peladang merupakan restoran yang menyajikan pelbagai makanan. Antara menu yang paling terkenal di kedai ini adalah Nasi Ayam. Harga bermula RM 7.00



NASKEN COFFEE

Nasken Coffee ialah sebuah rangkaian kafe popular yang kini juga mempunyai cawangan di Kuala Krai, Kelantan. Ia terkenal dengan suasana santai dan minuman berkualiti, menjadikannya tempat yang sering dikunjungi oleh pencinta kopi dan pelawat yang mencari lokasi untuk bersantai.





AMINA GUEST HOUSE

Amina Guest House, terletak di Kampung Baru Sri Rahmat, Pahi, Kuala Krai, Kelantan, menawarkan penginapan sederhana yang sesuai untuk pelancong atau mereka yang menghadiri majlis di sekitar kawasan tersebut.

Lokasi ini berada berhampiran kemudahan awam dan tempat tarikan tempatan.

KEMUDAHAN

Tandas dalam bilik
Aircond disediakan
Katil dan tilam queen
Almari pakaian
Mesin basuh
Swimming pool
Parking yang luas



Lot 2317, Taman PPD,
Kampung Baru Sri Rahmat,
18000 Kuala Krai, Kelantan.



AMINA GUEST HOUSE II

014-812 7009 / 017-975 3674

HARGA	SEHARI	SEBULAN (MIN 6 BULAN)
APARTMENT	RM 180.00	RM 600 + BIL ELEKTRIK
BILIK STUDIO	RM 100.00	RM 500.00
BILIK ADA AIRCOND	RM 80.00	RM 400.00
BILIK TIADA AIRCOND	RM 50.00	RM 300.00



HOTEL MIKRAJ

Hotel Mikraj yang terletak di Guchil 3, merupakan hotel bajet yang sesuai untuk penginapan jangka pendek atau pelancong dengan bajet sederhana. Hotel ini menyediakan pelbagai jenis bilik, termasuk bilik keluarga, dengan kemudahan seperti penghawa dingin, pancuran air panas, dan Wi-Fi. Lokasi hotel ini strategik, berdekatan dengan pelbagai restoran, kedai, dan pasaraya.



FB : Hotel Mikraj

No. Tel: 09-9664567 / 019-9341169

Harga
Bermula
RM 60.00

THE LODGE

HARGA Bermula RM 170-RM 200

LOKASI 1891, Kg. Rahmat

NO. TEL 019-674 8550



HOMESTAY TOK ABAH

HARGA RM 170

LOKASI Taman Desa Permai

NO. TEL 017-953 0400



HOMESTAY TOK WAN

HARGA RM 170

LOKASI Taman Desa Permai

NO. TEL 013-445 0722





HOTEL DAMAR

Hotel Damar dan Damar Inn merupakan pilihan penginapan bajet yang selesa dan bersih di Kuala Krai, Kelantan.

HARGA


RM 70.00-150.00

LOKASI

Taman Yani Kuala Krai

NO. TEL

09-966 3221



HOTEL MUTIARA

Hotel Mutiara Kuala Krai adalah sebuah penginapan yang baharu sesuai untuk yang mencari tempat tinggal bajet di Kuala Krai.

HARGA

RM 90.00 - RM 100.00

LOKASI

Laman Firdaus K.Krai

NO. TEL

011-1099 8921





TEMPAT IBADAH



1

**MASJID JAMEK TENGGU
MUHAMMAD FARIS PETRA**
Bandar Kuala Krai, 18000
Kuala Krai, Kelantan



INSTITUSI MASJID

Institusi masjid di Kuala Krai memainkan peranan penting sebagai pusat ibadah, pendidikan, dan kegiatan sosial bagi masyarakat setempat.

Masjid-masjid ini bukan sahaja menjadi tempat solat tetapi juga pusat dakwah, kelas agama, dan kegiatan masyarakat, menjadikannya elemen penting dalam kehidupan komuniti Kuala Krai.



4

**MASJID ABU BAKAR
KG HAMZAH**


2589, Jalan Kampung Hamzah,
18000 Kuala Krai, Kelantan



2

MASJID AN-NUR GUCHIL

Lot 357, Jln Guchil 4, Guchil,
18000 Kuala Krai, Kelantan



3

MASJID MUKIM KENOR

Kg. Kenor, 80000,
Kuala Krai, Kelantan



5

MASJID AL-JAUHAR

Persimpangan Lebuhraya
Kuala Krai-Gua Musang,
18000 Kuala Krai, Kelantan



6

MASJID AR RAHMAN PONDOK SG DURIAN

Pondok Sungai Durian,
18000 Kuala Krai, Kelantan



8

MASJID MUKIM KG RAHMAT

Kg. Rahmat,
18000 Kuala Krai, Kelantan



7

MASJID MUKIM PAHI

Kg. Pahi 18000 Kuala Krai,
Kelantan

MAAHAD TAHFIZ AL-HASHIMI

Maahad Tahfiz Al-Hashimi di Kuala Krai, Kelantan, adalah sebuah institusi pendidikan Islam yang fokus kepada pengajian Al-Quran, hafazan, dan pendidikan agama. Maahad ini memainkan peranan penting dalam melahirkan generasi yang bukan sahaja mahir dalam ilmu agama tetapi juga berakhlak mulia dan berketerampilan.



Terletak di Kuala Krai, Maahad Tahfiz Al-Hashimi mudah diakses oleh penduduk sekitar dan juga pelajar dari luar kawasan. Terdapat kemudahan-kemudahan yang disediakan seperti asrama yang selesa, Masjid atau surau untuk aktiviti ibadah, kelas yang lengkap dengan peralatan pembelajaran dan Kawasan persekitaran yang kondusif untuk pembelajaran dan tumpuan hafazan.



TOKONG YIT SIN KONG

Tokong yang terletak di tengah Bandar Kuala Krai ini bermula dari sebuah pondok kecil yang dibina pada tahun 1670 dan kini dijaga oleh seorang penjaga dengan upah RM600 sebulan. Aktiviti utama termasuk upacara sembahyang, sambutan Tahun Baru Cina, pemberian bantuan, serta pengurusan jenazah oleh Hakka Club. Kemudahan lain termasuk tempat membakar kertas (RM400) dan yuran sembahyang bulanan (RM15).





KUIL SRI MAHA KALIAMMAN ALAYAM

Sri Maha Kalliamman Alayam Temple di Kuala Krai adalah kuil Hindu yang didedikasikan kepada Dewi Kali. Kuil ini berfungsi sebagai pusat ibadat dan kebudayaan bagi masyarakat Hindu, serta menjadi tempat perayaan seperti Thaipusam. Selain itu, kuil ini juga menarik pelancong dengan seni bina uniknya dan merupakan simbol warisan agama Hindu di Kelantan.



KUIL THIRUMURUGAM ALAYAM

Thirumurugam Alayam adalah kuil Hindu yang terletak berhampiran Jambatan Keretapi dan Stesen Keretapi Kuala Krai. Kuil ini, yang telah wujud lebih 60 tahun, merupakan yang terbesar di Kuala Krai. Sami, yang berasal dari India, adalah ketua kuil dan ditukarkan setiap 10 tahun. Hari Jumaat adalah hari utama bagi penganut Hindu, di mana mereka mengadakan sembahyang besar-besaran.



PENGANGKUTAN



STESEN KERETAPI KUALA KRAI

Stesen Keretapi KTMB Kuala Krai merupakan stesen kereta api terbesar di negeri Kelantan dan terletak di laluan Pantai Timur Keretapi Tanah Melayu (KTM). Stesen ini memainkan peranan penting dalam menyediakan **akses pengangkutan ke kawasan pedalaman Kelantan dan juga menjadi titik utama untuk perkhidmatan KTM Intercity**. Antara perkhidmatan kereta api yang melalui stesen ini adalah:

- Ekspres Rakyat Timuran (Tumpat – Johor Bahru Sentral).
- Shuttle Timur, yang meliputi laluan Tumpat ke Kuala Lipis, Dabong, dan Gua Musang



Jadual Perjalanan (KTM Intercity)

Masa	Perkhidmatan
5:50 AM	Shuttle Timur SH51: Tumpat -> K. Lipis
8:41 AM	Shuttle Timur SH53: Tumpat -> G. Musang
8:57 AM	Shuttle Timur SH52: G. Musang -> Tumpat
11:16 AM	Ekspres Rakyat Timuran (ERT26): JB Sentral -> Tumpat
12:07 PM	Shuttle Timur SH55: Tumpat -> Dabong
4:17 PM	Shuttle Timur SH56: Dabong -> Tumpat
5:48 PM	Shuttle Timur SH57: Tumpat -> G. Musang
7:32 PM	Shuttle Timur SH60: G. Musang - Tumpat
8:26 PM	Ekspres Rakyat Timuran 27: Tumpat -> JB Sentral

JETI TANGGA BRADLEY / KRAI

Jeti Tangga Bradley dipercayai telah dibina pada tahun 1927. Kegunaan utama Tangga Bradley adalah sebagai jeti perhubungan bagi penduduk dari Kampung Bahagia dan Kampung Mambong yang ingin bergerak dan menjual barangan hasil pertanian ke ke bandar Kuala Krai. Selain itu, ia juga digunakan sebagai tempat kawalan / bacaan aras sungai Kelantan semasa musim tengkujuh. Pengunjung juga boleh mendapatkan ikan sungai segar di rumah bot yang berhampiran.



KRAI RIVER CRUISE

PAKEJ SERENDAH
RM 25 SEORANG
HUBUNGI:
013-980 4496-RAF

JADUAL PERGERAKKAN BOT		
TRIP	MASA	HARGA
PAGI	7.15 PAGI	RM 3.00 / Orang
TENGAHARI	12.00 TENGAHARI	RM 3.00 / Orang
PETANG	5.00 PETANG	RM 3.00 / Orang
TEMPAHAN KHAS	SIANG	RM 100.00
	MALAM	RM 130.00



YB Dato' Kamaruddin bersama
YB Hilmi dalam lawatan beliau ke
Seramik Mambong.



HENTIAN BAS

Stesen Bas
Kuala Krai

STESEN BAS MRD

Stesen Bas Mutiara Rentas Desa (MRD) di Kuala Krai merupakan hab pengangkutan utama yang menyediakan perkhidmatan bas henti-henti di Kelantan. Lokasinya yang berdekatan dengan Stesen Kereta Api Kuala Krai memudahkan penumpang yang ingin bertukar antara mod pengangkutan.

Jadual Perjalanan Bas Dari Kuala Krai ke Kota Bharu : (7:30 pagi, 10:30 pagi, 2:00 petang, 5:00 petang)

KOTA BHARU - KUALA KRAI - KOTA BHARU



trip pertama 7:30 pagi
trip terakhir 5:00 petang

Stesen Bas
Dataran Peladang

HENTIAN BAS EKS PRES

Hentian Bas Kuala Krai merupakan sebuah terminal pengangkutan awam yang terletak di Dataran Peladang. Dari Kuala Krai, terdapat perkhidmatan bas ekspres ke pelbagai destinasi, termasuk Kuala Lumpur.

Untuk jadual perjalanan, anda juga boleh menyemak jadual perjalanan melalui platform dalam talian bagi memudahkan urusan anda : <https://www.redbus.my/ms/buses/kuala-krai-bus-tickets>

Terdapat beberapa syarikat yang beroperasi di Kuala Krai adalah - eXpress Darul Naim, Teraju Express, Naza Express, Sani Express, My Xpress, Ekpres Mutiara, Queen Express, Lienadia Express, Ekpres Perdana.





MAKANAN TEMPATAN



SELAMAT DATANG KE KUALA KRAI

CENDOL ABE YIE

Cendol Abe Yie merupakan jenama cendol yang terkenal di Kampung Sungai Sok, Kuala Krai yang diasaskan oleh Asri Daud, dan perniagaan ini mendapat sambutan luar biasa terutamanya ketika bulan Ramadan.



Cendol yang dihasilkan menggunakan bahan-bahan tradisional seperti ekstrak daun pandan, tepung beras, dan air kapur tanpa sebarang pewarna tiruan. Kualiti yang terjamin menjadikannya pilihan ramai. Perniagaan ini beroperasi dari rumah mereka di RPT Sungai Sok, di mana semua proses penghasilan dilakukan.

Abe Yie bersama isterinya, Khuzaimah Adnan, serta 26 orang pekerja mampu menghasilkan kira-kira 2,000 kilogram cendol setiap hari bagi memenuhi permintaan tinggi di pelbagai daerah seperti Kota Bharu, Jeli, Rantau Panjang, dan Machang.

Untuk tempahan :
Abe Yie Cendol
No. Tel : 013-5521026

KUIH BAKUL

Kuih bakul, atau nian gao, adalah sejenis manisan tradisional yang sinonim dengan perayaan Tahun Baharu Cina. Di Kuala Krai, Kelantan, pembuatan kuih bakul ini diteruskan oleh Lee Le Kim, 75 tahun, yang mesra dikenali sebagai Mek Ah Chai.

Beliau telah mewarisi kemahiran ini daripada keluarganya dan telah mengusahakan pembuatan kuih bakul selama lebih 20 tahun.



Menariknya, dua pemuda Melayu tempatan, Firdaus Roslan, 34, dan rakannya, Tengku Nor Iskandar Tengku Ibrahim, 24, telah menjadi tulang belakang dalam proses pembuatan kuih bakul di bawah bimbingan Mek Ah Chai.

Mereka telah bekerja bersama beliau selama beberapa tahun dan kini mahir dalam setiap langkah pembuatan kuih bakul, dari penyediaan bahan hingga proses pengukusan yang memakan masa sehingga 12 jam.

Selain daripada komuniti Cina, kuih bakul ini turut diminati oleh masyarakat Melayu setempat, mencerminkan keharmonian dan perpaduan antara kaum di kawasan tersebut.

Mek Ah Chai memastikan semua bahan yang digunakan adalah halal dan bersih, menjadikan kuih bakulnya sesuai dinikmati oleh semua.



ROJAK KTM



Kedai Rojak KTM terletak di No 20, Jalan Camp Keretapi, 18000 Kuala Krai, Kelantan. Restoran ini menawarkan pelbagai hidangan seperti rojak ayam, rojak mee, laksa Penang, dan nasi ayam.

Waktu operasi adalah dari jam 9:00 pagi hingga 6:00 petang setiap hari kecuali Jumaat. Untuk maklumat lanjut atau tempahan, anda boleh menghubungi mereka di talian 09-799 4257.



KUIH AKOK



Di sini, terdapat beberapa pengusaha tempatan yang masih mengekalkan kaedah pembuatan asli, menggunakan acuan tembaga dan arang kelapa untuk memberikan aroma dan rasa yang autentik.

Salah satu pengusaha terkenal di Batu Balai ialah Akok Special C'Sue, yang telah mengusahakan pembuatan kuih akok selama lebih 20 tahun.



Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus dalam menjayakan penerbitan buku pelancongan "**Maghi Singgoh Kuala Krai**". Buku ini merupakan satu usaha murni yang bukan sahaja memaparkan keindahan alam semula jadi dan warisan budaya Kuala Krai, tetapi juga berfungsi sebagai medium promosi yang amat penting dalam memperkenalkan jajahan kita ke peringkat lebih tinggi.

Tahniah kepada penulis, penyelidik, penyunting, dan seluruh pasukan penerbitan yang telah berjaya menghasilkan karya berkualiti ini. Buku ini pastinya akan menjadi sumber inspirasi kepada pelancong dan masyarakat tempatan untuk mengenali dan menghargai potensi yang ada di Kuala Krai.

Penerbitan buku "**Maghi Singgoh Kuala Krai**" juga mencerminkan komitmen kita bersama dalam menyokong pembangunan pelancongan yang lestari. Semoga dengan adanya buku ini, Kuala Krai akan terus menjadi destinasi pilihan para pelancong, seterusnya memberi impak positif kepada ekonomi dan kesejahteraan komuniti kita.

Sekali lagi, terima kasih dan tahniah atas usaha yang amat bermakna ini. Semoga kita semua terus bersemangat untuk memartabatkan Kuala Krai di mata dunia.

Sekian, terima kasih.



مجلس daerah كوالا كراي

Terbitan Majlis Daerah Kuala Krai
mdkkrai.kelantan.gov.my



مجلس daerah كوالا كراي
MAJLIS DAERAH KUALA KRAI